

~~252~~~~20/79~~

UCAPAN YAB DATUK HUSSEIN ONN, TIMBALAN
PERDANA MENTERI DI UPACARA MELETAKKAN
BATU ASAS, BANGUNAN FAKULTI PERGIGIAN
UNIVERSITI MALAYA PADA HARI SABTU,
24HB NOVEMBER, 1973 JAM 10.00 PAGI.

YB Pemangku Naib Canselor Universiti Malaya
dan Pemangku Timbalan Naib Canselor,

YB Menteri-menteri Kabinet dan Isteri,

Dekan Fakulti Pergigian dan Isteri,

Dekan Fakulti Perubatan,

Tuan-tuan dan Puan-puan hadirin sekalian,

1. Upacara pagi ini mempunyai beberapa aspek yang sangat penting dalam konteks pembangunan negara kita. Pertama, projek yang memakan belanja lebih dari 5 juta ringgit ini mengambil masa kurang dari 2 tahun dari masa merancang hingga melaksanakannya. Ini merupakan satu rekod yang sangat dibanggakan dan patut dicontohi oleh badan-badan Kerajaan yang lain.

Kedua, projek ini melambangkan satu lagi bukti tentang pelaksanaan rancangan pelajaran tinggi di Malaysia, sesuai dengan keazaman kita menjadi negara yang berasaskan sains dan teknologi. Dan ketiga, projek yang dijalankan ini sesuai dengan keinginan negara untuk mempertingkatkan perkhidmatan kesihatan dan memberikan khidmat pergigian yang bermutu dan terbaik kepada rakyat.

2. Oleh yang demikian, inginlah saya mengucapkan tahniah kepada pihak Universiti yang melaksanakan projek ini, khasnya Fakulti Pergigian dan menyatakan rasa terimakasih atas undangan kepada saya untuk meletakkan batu asas bangunan ini.

Secara kebetulan, projek ini, pada peringkat merancangnya dulu, ada hubungan yang rapat dengan saya sebagai bekas Menteri Pelajaran. Oleh itu, pelaksanaannya ini memberikan saya satu ilham yang besar dan ingatan yang berkekalan.

3. Keinginan negara kita mempunyai Fakulti Pergigian memanglah telah dirasakan semenjak beberapa tahun. Tetapi, beberapa faktor telah melambatkan pelaksanaannya. Hari ini, kita bersyukur kerana Fakulti Pergigian menjadi satu kenyataan dan projek bangunan ini telah dapat dilancarkan dan dijangka dapat digunakan sepenuhnya pada pertengahan tahun 1974.

Sesungguhnya, projek ini mencerminkan keazaman Kerajaan untuk memberikan khidmat yang tinggi kepada rakyat terutama sekali dalam bidang kesihatan. Sesuai dengan rancangan ini, pihak Universiti Malaya telahpun mengambil siswa dalam Fakulti Pergigian dan saya merasa sangat bangga dengan kemajuan comerlang yang dicapai oleh siswa ini, terutama anak-anak Melayu, yang tidak disangka-sangka. Saya sangatlah menghargai akan khidmat kakitangan akademik fakulti ini, khasnya Dekan Fakulti, Professor Ibrahim yang berjaya menghasilkan keputusan itu dalam masa yang begitu singkat.

4. Dari sinilah kita berharap, dengan izin Tuhan, dalam masa 3 tahun lagi kumpulan

pertama pegawai pergigian seramai lebih 30 orang yang dilatih dari Pusat Pengajian tempatan dikeluarkan. Lebih-lebih lagi, mereka dilatih dan dibimbing oleh pakar-pakar tempatan. Mulai dari tempoh itu kelak, Malaysia akan mempunyai pusat bekalan doktor pergigian dari negara kita sendiri.

5. Sekalipun ada timbul rasa sangsi tentang kemampuan pelajar-pelajar kita, khasnya dari sektor luarbandar, bagi melanjutkan pelajaran dalam bidang ini, tetapi apa yang terbukti kepada kita pada hari ini ialah bahawa rancangan ini telah berjalan dengan penuh giat dan mendapat sokongan daripada semua pihak.

Kemampuan mereka untuk menerima kuliah adalah setanding dengan siswa-siswa dalam mana-mana fakulti juga.

6. Saya yakin bahawa dengan bimbingan dan pimpinan yang dinamis serta tunjuk ajar professional yang mendalam, pelajar-pelajar kita sudah pasti akan mendapat kejayaan yang cemerlang.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

7. Oleh sebab inilah pertama kali dalam sejarah perkembangan negara dan kemajuan pelajaran tinggi kita mempunyai sebuah Fakulti Pergigian yang diusahakan oleh Kerajaan, saya sukalah merayu kepada semua Kementerian dan

Kerajaan Negeri supaya memberikan kerjasama dan bantuan yang diperlukan terhadap pelaksanaan dan memajukan fakulti ini. Khususnya, saya menujukan rayuan ini kepada Kementerian Kesihatan, oleh sebab peruntukan perbelanjaan yang diperlukan oleh Fakulti ini adalah disalurkan menerusi Kementerian itu serta juga dalam bidang pengambilan kakitangan akademik untuk fakulti ini, khasnya pada peringkat permulaannya. Demikian jugalah, saya menujukan rayuan yang sama kepada Kementerian Pelajaran yang akan memberikan peruntukan bagi penyelenggaraan fakulti ini serta juga dalam bidang-bidang lain yang bersangkutan dengan perjalanan fakulti.

8. Kepada pihak Kerajaan-kerajaan Negeri, saya juga meminta supaya dapat memberikan kerjasama mendapatkan siswa yang berkelayakan memasuki fakulti ini pada setiap tahun. Kepada pihak-pihak lain yang berkenaan, sepatutnyalah mereka memberikan kerjasama dan bantuan supaya fakulti ini akan mempunyai taraf yang sama serta mutu yang tinggi, sebagaimana fakulti yang lain.

9. Malaysia adalah di antara negara di rantau ini yang sedang berkembang maju. Adalah menjadi tujuan Kerajaan untuk sentiasa memberikan khidmat kesihatan pergigian yang tinggi, cekap dan meliputi bagi semua rakyat.

Sungguhpun, mengikut taksiran, seorang doktor Pergigian, purata mencukupi bagi 35 ribu orang penduduk, iaitu taksiran yang difikirkan layak bagi negara yang sedang membangun, akan tetapi kita berazam supaya bilangan doktor pergigian ini akan dapat ditambah dengan ramainya agar ia boleh ditingkatkan, sejajar dengan negara lain yang telah maju, seperti Amerika Syarikat yang mempunyai seorang doktor pergigian bagi 800 orang, ataupun United Kingdom untuk 1,500 orang, dan negeri Jepun untuk kira-kira 3,000 orang.

10. Malaysia memerlukan kira-kira 60 orang pegawai pergigian pada setiap tahun,

dan di bawah rancangan kita, usaha-usaha yang tersusun sedang dibuat supaya bilangan siswa yang diterima masuk dalam fakulti pergigian, di Universiti akan dapat disamakan dengan kehendak-kehendak itu. Menurut anggaran, dalam masa tiga ataupun empat tahun lagi, pihak Universiti akan menimbangankan pengambilan kira-kira 48 orang siswa pada setahun dan matalamat kita, sesuai dengan kemudahan yang diadakan ialah untuk mengambil 64 orang siswa, setiap tahun, mulai tahun 1980.

11. Bagi menyesuaikan dengan dasar pengambilan siswa ini, saya berharap pihak Universiti dan Kerajaan akan juga menambah bilangan kakitangan akademik yang diperlukan

dalam pengajaran dan bimbingan supaya dapat disesuaikan dengan tambahan pelajar-pelajar. Demikian jugalah apakala rancangan menambah bilangan pelajar dilaksanakan, ia memerlukan pula tambahan kemudahan bangunan alat-alat dan sebagainya.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

12. Sesuai dengan upacara ini, wajarlah kalau saya katakan bahawa kemajuan yang telah dicapai dalam bidang kesihatan pergigian seperti yang dilaksanakan oleh Kementerian Kesihatan di bawah Rancangan Malaysia Kedua sangatlah menggalakkan.

Ini akan menjadikan negara kita salah satu yang terkemuka di rantau ini. Umpamanya, jumlah bilangan klinik pergigian yang terletak di hospital adalah bertambah. Demikian jugalah bilangan jenis klinik pergigian lain akan bertambah dengan banyaknya. Jumlah klinik yang dianggar dapat dibena hingga akhir 1975 ialah 629 buah iaitu tambahan sebanyak 264 buah dari jumlah 365 buah, pada akhir 1970. Sejumlah besar dari klinik ini dibena di luarbandar. Angka ini jelas menggambarkan bagaimana keazaman Kerajaan, khasnya Kementerian Kesihatan pada mengatasi masalah kesihatan pergigian, yang kian bertambah.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

13. Saya tidak berniat untuk menghuraikan rancangan Kementerian Kesihatan kerana hal ini telahpun dijelaskan dari masa ke semasa oleh Menteri dan Pegawai-pegawai Kementerian yang berkenaan. Walaupun begitu, kenyataan yang ada di hadapan kita - bangunan yang telah siap ataupun yang sedang dibina adalah satu 'living proof' tentang usaha yang dapat dilaksanakan.

14. Akhir kata, saya sekali lagi menyatakan penghargaan yang tinggi mengenai pelaksanaan projek ini serta mengucapkan terimakasih atas khidmat dan jasa yang diberikan oleh semua golongan.

15. Dengan ini, saya dengan sukacitanya
Meletakkan Batu Asas Bangunan Fakultas Pergigian
dan berdoa supaya dengan izin Allah, usaha
kita berjaya dan sentiasa diredzai olehNya.

Terimakasih.



No. Bil.
No. Perumahan



No. Siri	576
No. Penerimaan	86/79